



AKU JANJI ... Para pelajar Ambilan Februari 2012/2013 Unimas berikrar untuk mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh universiti itu di Kota Samarahan, semalam.

Unimas amalkan pengurusan terbuka

.....
FENNY SILONG

KOTA SAMARAHAN, Sabtu - Seramai 137 orang pelajar tempatan dan lapan orang pelajar antarabangsa mendaftar sebagai pelajar Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di sini.

Naib Canselor Unimas, Profesor Datuk Dr. Khairuddin Abdul Hamid berkata, sebanyak 56 orang

(39%) daripada jumlah pelajar itu adalah lelaki manakala 89 orang (61%) merupakan pelajar wanita.

"Sementara itu, lapan orang pelajar antarabangsa tersebut berasal dari Bangladesh, Jerman dan China. Keputusan anda (pelajar) memilih Unimas adalah satu keputusan yang tepat kerana universiti ini mengamalkan pengurusan terbuka," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Ikrar Pelajar Ambilan Februari 2012/2013 di Pusat Pembelajaran Sentral 2 (CTF 2) di universiti itu, hari ini.

Khairuddin menggesa setiap pelajar membuka minda untuk memahami budaya tempatan selain menunjukkan contoh yang baik kepada orang luar mengenai Unimas.

"Melangkah ke alam

universiti merupakan satu bentuk penghijrahan baru juga menandakan suatu penerokaan kepada portal ilmu yang luas. Gunakan peluang sebaiknya untuk mengenali Unimas dengan lebih dekat dan hormat antara satu sama lain," tambahnya. Hadir sama, Timbalan Naib Canselor, Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman dan dekan setiap fakulti Unimas.